



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 13

21hb Jun 2007

*TAMBAHAN
No. 1*

No. 1671.

PAKAIAN KEBANGSAAN RASMI ISTIADAT AHLI DEWAN DI-RAJA SELANGOR

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor setelah berunding dengan Dewan di-Raja Selangor yang bersidang kali ke 120 pada 22 April 2006 telah berkenan untuk menyeragamkan Pakaian Kebangsaan Rasmi Istiadat bagi Ahli Dewan di-Raja Selangor dengan warna dan corak yang tersendiri melalui integrasi elemen dan motif yang direka khas seperti yang tertera di bawah.:

RASIONAL

Pakaian Kebangsaan Rasmi Istiadat Ahli Dewan di-Raja Selangor

Pakaian Kebangsaan Rasmi Istiadat ini mengandungi lima komponen utama, iaitu Baju Melayu, Seluar Panjang, Kain Samping, Tengkolok atau Tanjak dan Bengkung. Komponen-komponen ini telah direka dan disesuaikan dengan corak yang tersendiri melalui integrasi elemen dan motif yang direka khas untuk membawa maksud tertentu. Pada keseluruhannya pakaian seragam ini menampilkan satu entiti yang persis sebagai pakaian rasmi istiadat. Di samping itu ianya juga telah direka untuk memperlihatkan identiti dan imej keluhuran Dewan di-Raja Selangor.

1.0 Motif Bunga Tanjung

Bunga Tanjung telah dipilih khas untuk digunakan sebagai motif utama bagi menghiasi corak latar pakaian. Ianya telah diolah dan dipergayakan

sebagai suatu elemen dan motif reka bentuk untuk menampilkan beberapa maksud tertentu:

- 1.1 Sebagai idea bagi melambangkan konsep kemuliaan, kesucian dan kemurniaan budaya Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 1.2 Kelopak “bunga pecah sembilan” membawa maksud sembilan daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 1.3 Kelopak “bunga pecah sembilan” juga membawa maksud bahawa D.Y.M.M. Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj merupakan Sultan dan Yang Dipertuan yang kesembilan bagi Negeri Selangor Darul Ehsan dan segala daerah takluknya.

Motif ini telah disesuaikan dan diadun dengan motif lain untuk menghiasi corak songket pakaian rasmi istiadat tersebut.



2.0 Corak Songket

Terdapat beberapa corak songket yang direka dengan bermotifkan “bunga tanjung pecah sembilan”:


- 2.1 **Baju Melayu dan Seluar Panjang** dihiasi dengan corak songket “bunga bertabur”, motif secara berasingan telah disusun untuk membentuk petak segi empat berulang.

Terdapat lima buah motif tersebut di dalam setiap petak. Ianya membawa maksud seperti yang termaktub di dalam Prinsip Rukun Negara iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara.



2.2 **Kain Samping** bercorak songket bunga penuh. Ianya mempunyai tiga bahagian utama:


- 2.2.1. Kepala dan kaki samping bercorak melintang dan bermotifkan “bunga lawi ayam corak pucuk rebung berjuang” yang dipagari oleh corak “kendik tali”, seperti pada Bahagian A dalam Gambar Rajah A.
- 2.2.2. Badan samping bertenunkan motif “bunga tanjung pecah sembilan” corak “teluk berantai”, seperti pada Bahagian B dalam Gambar Rajah A.
- 2.2.3. Belakang samping bercorak songket corak berdiri bermotifkan “bunga tanjung pecah sembilan” diadun berselang-seli dengan motif “bunga lawi ayam corak pucuk rebung berjuang”. Di sebelah kanan dan kiri bahagian ini pula diapit oleh corak “kendik tali”, seperti pada Bahagian C dalam Gambar Rajah A.



Gambar Rajah A

2.3 Tengkolok

Corak tengkolok telah dipadankan dengan corak kain samping yang sebahagian besarnya bertenunkan motif “bunga tanjung pecah sembilan” dengan bercorakkan “teluk berantai”. Mengelilingi corak ini pula terdapat corak “pucuk rebung berjuang” dan pada bahagian luar sekali dihiasi dengan corak “kendik tali”.



2.4 Bengkung

Bengkung bercorakkan motif “bunga tanjung pecah sembilan” dan motif “pucuk rebung seri pagi” yang disusun secara selang-seli. Bahagian atas dan bawah pula dipagari oleh corak “kendik tali”. Bahagian bengkung yang berjurai ke bawah dari sisi pinggang kiri bercorakkan motif yang sama seperti bengkung utama untuk memperlihatkan kesinambungan corak. Di bahagian terbawah bengkung ini pula terdapat tenunan Lambang Dewan di-Raja Selangor.



3.0 Warna dan Bahan

Warna biru cerah telah dipilih dan diguna pakai sebagai warna latar Pakaian Kebangsaan Rasmi Istiadat. Kainnya pula diperbuat dari benang kapas yang terpilih. Tenunan benang emas telah ditetapkan bagi semua corak songket pakaian rasmi tersebut. Warna yang ditetapkan ini juga membawa maksud tertentu:

- 3.1 Warna biru melambangkan keluhuran dan keterampilan perlembagaan yang dipadankan dengan entiti Dewan di-Raja Selangor itu sendiri.
- 3.2 Warna biru cerah pula menampilkan imej kemesraan, keharmonian dan kesusilaan.
- 3.3 Warna emas seperti yang digunakan pada corak tenunan, melambangkan martabat dan kedaulatan.



Warna dan Bahan

4.0 Lambang Dewan di-Raja Selangor

Lambang ini direka khas sebagai satu idea untuk memperlihatkan identiti institusi tersebut yang berteraskan konsep keluhuran, integriti dan akauntibiliti. Berteraskan konsep tersebut lambang ini harus dilihat kukuh, berintegrasi dan elegan. Elemen yang digunakan dalam reka bentuk lambang ialah tulisan khat jenis *thuluth* (untuk perkataan “Dewan di-Raja Selangor”) dan bulatan bermotifkan “bunga tanjung pecah sembilan” berulang mengukuhkan imej Dewan di-Raja Selangor.



RATIONALE

Official Ceremonial Attire (*Pakaian Kebangsaan Rasmi Istiadat*) for the Members of the Selangor Council of the Royal Court

The Official Ceremonial Attire comprises of five major composite components; *Baju Melayu*, *Seluar Panjang*, *Kain Samping*, *Tengkolok* or *Tanjak* and *Bengkung*. These components are designed incorporating specific *songket* patterns so formed through a unique composition and integration of elements and motifs, which in turn convey certain implicit meanings. As a composite whole, the attire represents an entity that is aptly seen as official ceremonial attire. It is also designed to project the identity and image of a dignified Council of the Royal Court.:

1.0 Bunga Tanjung Motif

The *bunga tanjung* has been specifically chosen to be the main motif, and to be used as a major decorative element. The motif was reconstructed and stylized to represent the followings:

- 1.1 As an idea to visualise the cultural diversity of the State of Selangor Darul Ehsan.
- 1.2 The nine petals of *bunga tanjung* symbolise the nine districts in the State of Selangor Darul Ehsan.
- 1.3 The nine petals also signify H.R.H. Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj as being the ninth Sultan and the *Yang Dipertuan* of the State of Selangor Darul Ehsan and all its dependencies.

This motif has been interwoven with other motifs to produce an intricate *songket* pattern which, in turn becomes the decorative element of the official attire.

2.0 Songket Pattern

The component parts of the attire are made of a few *songket* patterns using *bunga tanjung pecah sembilan* motif:

- 2.1 *Baju Melayu* and *Seluar Panjang* are decorated with spotted or scattered (*bunga berterabur*) *songket* pattern. Individual motif is arranged in grid pattern to form a vertical rectangular block, repeated and spread over the background. There are five motifs to a block, which symbolise the five Principles of *Rukun Negara* of which one of these is Loyalty to the King and Nation.
- 2.2 The *Samping* uses the *bunga penuh* (full pattern). It comprises of three main parts:
 - 2.2.1. The top and bottom of the *samping* is made up of horizontal linear chain of ornaments on the outside called *kendik tali* and a repeated pattern of *bunga lawi ayam corak pucuk rebung berjuang*.
 - 2.2.2. The main body of the *samping* is decorated with diagonal grid of the *bunga tanjung* motif forming a pattern called *teluk berantai*.
 - 2.2.3. The back portion of the *samping* comprises of the vertical stripe pattern using the *bunga lawi ayam corak pucuk rebung berjuang* on the inside and the enclosing *kendik tali* pattern on the outside.

2.3 Headgear (*Tengkolok*)

The *songket* pattern for the headgear (*tengkolok*) takes the same pattern as that of the *samping* in which the motif *bunga tanjung pecah sembilan* forms the major component of the pattern on the inside called *teluk berantai*. Enclosing this pattern on all sides are the *pucuk rebung berjuang* and *kendik tali*.

2.4 **Waistband** (*Bengkung*)

The main waistband (*bengkung*) comprises of three patterns arranged in horizontal form. The centre part comprises of *bunga tanjung* and *pucuk rebung seri pagi* in alternate positions. The top and bottom are identical *kendik tali* patterns.

3.0 **Colour and fabric**

Royal blue is used as the background colour for the official attire. Selected fine cotton is used as the material for the fabric.

All *songket* patterns for the official attire are hand-woven in golden-coloured thread.

These colour are chosen to signify certain meanings:

- 3.1 Blue is the fundamental colour chosen to symbolize the image of dignity and efficiency, which is equated to the entity of the Selangor Council of the Royal Court.
- 3.2 Bright blue is the variation of the fundamental colour used for the official attire. It represents the image of friendliness, harmony and courtesy.
- 3.3 Gold is used in the woven pattern of the attire symbolize dignity and sovereignty.

4.0 **Emblem of the Selangor Council of the Royal Court**

The emblem is specifically designed as an ideal to uphold the identity and image of the Council, which is based on the concept of dignity, integrity and accountability. Based on that concept, two major elements were used to conceptualise those attributes; the *Islamic Calligraphy* (of the *Thuluth* type) for the word *Dewan di-Raja Selangor* and the encompassing outer ring (of the *bunga tanjung* motifs) to strengthen that image of the Council.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

No. 1672.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SABAK BERNAM

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE DRAFT OF
SABAK BERNAM DISTRICT LOCAL PLAN

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuannya pada 30 Mei 2007 kepada:

Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam.

2. Draf Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam dan boleh diperiksa di Majlis Daerah Sabak Bernam dalam waktu pejabat.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Selangor has given its assent on 30 May 2007 to the:

Sabak Bernam District Local Plan.

2. The Draft of Sabak Bernam District Local Plan is now identified as the Sabak Bernam District Local Plan and may be inspected at the Sabak Bernam District Council during office hours.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

No. 1673.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN TEMPATAN SERENDAH-HULU YAM

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE
DRAFT OF SERENDAH-HULU YAM LOCAL PLAN

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuannya pada 30 Mei 2007 kepada:

Rancangan Tempatan Serendah-Hulu Yam.

2. Draf Rancangan Tempatan Serendah-Hulu Yam itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Serendah-Hulu Yam dan boleh diperiksa di Majlis Daerah Hulu Selangor dalam waktu pejabat.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Selangor has given its assent on 30 May 2007 to the:

Serendah-Hulu Yam Local Plan.

2. The Draft of Serendah-Hulu Yam Local Plan is now identified as the Serendah-Hulu Yam Local Plan and may be inspected at the Hulu Selangor District Council during office hours.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

No. 1674.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN TEMPATAN RAWANG-KUANG

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE
DRAFT OF RAWANG-KUANG LOCAL PLAN

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuannya pada 30 Mei 2007 kepada:

Rancangan Tempatan Rawang-Kuang.

2. Draf Rancangan Tempatan Rawang-Kuang itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Rawang-Kuang dan boleh diperiksa di Majlis Perbandaran Selayang dalam waktu pejabat.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], it is notified that the State Authority of Selangor has given its assent on 30 May 2007 to the:

Rawang-Kuang Local Plan.

2. The Draft of Rawang-Kuang Local Plan is now identified as the Rawang-Kuang Local Plan and may be inspected at the Selayang Municipal Council during office hours.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

No. 1675.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN TEMPATAN MORIB-TANJUNG SEPAT

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE
DRAFT OF MORIB-TANJUNG SEPAT LOCAL PLAN

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuannya pada 30 Mei 2007 kepada:

Rancangan Tempatan Morib-Tanjung Sepat.

2. Draf Rancangan Tempatan Morib-Tanjung Sepat itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Morib-Tanjung Sepat dan boleh diperiksa di Majlis Daerah Kuala Langat dalam waktu pejabat.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Selangor has given its assent on 30 May 2007 to the:

Morib–Tanjung Sepat Local Plan.

2. The Draft of Morib–Tanjung Sepat Local Plan is now identified as the Morib–Tanjung Sepat Local Plan and may be inspected at the Kuala Langat District Council during office hours.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

No. 1676.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE
DRAFT OF KUALA SELANGOR DISTRICT COUNCIL LOCAL PLAN

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuannya pada 6 Jun 2007 kepada:

Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor.

2. Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor dan boleh diperiksa di Majlis Daerah Kuala Selangor dalam waktu pejabat.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Selangor has given its assent on 6 June 2007 to the:

Kuala Selangor District Council Local Plan.

2. The Draft of Kuala Selangor District Council Local Plan is now identified as the Kuala Selangor District Council Local Plan and may be inspected at the Kuala Selangor District Council during office hours.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

No. 1677.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA
DRAF RANCANGAN TEMPATAN BANGI–SEMENYIH–BERANANG

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE DRAFT OF
BANGI–SEMENYIH–BERANANG LOCAL PLAN

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuannya pada 6 Jun 2007 kepada:

Rancangan Tempatan Bangi–Semenyih–Beranang.

2. Draf Rancangan Tempatan Bangi–Semenyih–Beranang itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Bangi–Semenyih–Beranang dan boleh diperiksa di Majlis Perbandaran Kajang dalam waktu pejabat.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], it is notified that the State Authority of Selangor has given its assent on 6 June 2007 to the:

Bangi–Semenyih–Beranang Local Plan.

2. The Draft of Bangi–Semenyih–Beranang Local Plan is now identified as the Bangi–Semenyih–Beranang Local Plan and may be inspected at the Kajang Municipal Council during office hours.

[JPBD.Sel./B.1/7514 Vol. 3; PU. Sel. Am 0027/07]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA